

■ Pelajar UPM sengaja buat kecoh sepanjang PRK berdepan tindakan tegas

Gantung atau terus **singkir**

Oleh Nur Lela Zulkipli
am@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang didapati sengaja mencetuskan kekecohan sepanjang proses Pilihan Raya Kampus (PRK) 2013 pada 28 November depan termasuk membangkitkan isu sensitif ketika kempen berdepan tindakan tegas sama ada digantung pengajian atau disingkirkan.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM 2013 Prof Dr Mohd Shatar Safran berkata, perkara itu selaras hasrat universiti untuk mewujudkan suasana sihat ketika pengundian berlangsung selain mengutamakan keselamatan pelajar.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM ber-



DR Mohd Shatar (tengah) bersama pelajar melihat borang pencalonan untuk pilihan raya kampus.

kata, pihaknya bersama jawatankuasa yang bertanggungjawab akan memantau semua aktiviti kempen termasuk kempen secara maya melalui Internet supaya tidak membangkitkan isu yang boleh mengganggu keselamatan dan keamanan pelajar.

“Dalam borang manifesto diberikan, calon diminta menyatakan laman sosial digunakan untuk mereka berkempen supaya jawatankuasa ditubuhkan dapat memantau jika terdapat unsur negatif seperti fitnah.

“UPM tidak akan bertolak

ansur dengan pelajar yang degil kerana pelbagai peringatan diberikan bagi mengelak perkara tidak diingini berlaku,” katanya ketika melawat proses penamaan calon di Kolej ke-13 di sini, semalam.

Seramai 26,990 pelajar

UPM layak mengundi akan memilih 45 ahli MPP universiti itu terdiri daripada 11 calon kawasan umum dan 34 calon kawasan fakulti.

Mohd Shatar berkata, kempen dibenarkan selama empat hari bermula 24 hingga 27 November depan.

“Sesi pembuangan undi di enam lokasi akan bermula dari jam 9 pagi hingga 4 petang di Kampus Serdang dan Kampus Bintulu, Sarawak menggunakan sistem e-undi melalui komputer.

“Keputusan akan diumumkan pada hari sama diikuti sesi bantahan terhadap keputusan (29 November), keputusan bantahan (30 November), rayuan terhadap keputusan bantahan (30 November), keputusan rayuan (2 Disember) sebelum pengisytiharan rasmi calon yang berjaya pada 3 Disember,” katanya.

Menurutnya, calon yang menang diisytiharkan secara rasmi melalui Papan Notis Rasmi Universiti (Kolej ke-13 dan Kolej Sri Rajang) serta tempat lain sekitar universiti yang mudah dilihat.

Katanya, pelaksanaan keseluruhan proses pemilihan MPP tertakluk kepada Peraturan-Peraturan UPM (Pemilihan MPP) 2011 dan calon yang berjaya akan membentuk barisan MPP bagi sesi 2013/14.